

05/09/1998

Abu Hassan nafi ada perebutan jawatan

SEPANG, Jumaat - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Abu Hassan Omar menafikan wujud perebutan jawatan nombor dua parti berikutan pemecatan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, pihaknya menyerahkan keputusan memilih pengganti Anwar kepada pucuk pimpinan parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan yakin masalah pengganti dapat diatasi dengan baik.

"Masalah perebutan jawatan tidak timbul. Umno berpegang kepada tradisi musyawarah dan perbincangan," katanya di sini, hari ini.

Menurut beliau, walau sesiapaapun yang dipilih, Umno Selangor tetap berdiri teguh memberi sokongan padu kepada kepemimpinan Perdana Menteri terutama dalam usaha mengatasi kegawatan ekonomi.

"Umno Selangor tetap berdiri teguh menyokong kepemimpinan Perdana Menteri dan yakin segala masalah politik yang sedang melanda dapat diatasi dengan baik," katanya.

Sementara itu, ketika merasmikan Kempen Belilah Barangan Malaysia dan Kempen Kesedaran IT peringkat daerah Sepang, beliau berkata, kesedaran orang ramai terhadap perlunya membeli barangan tempatan semakin meningkat.

"Malah, banyak barangan buatan Malaysia kini diterima di pasaran antarabangsa. Ini bermakna barangan buatan Malaysia juga bermutu tinggi setanding barang buatan negara lain," katanya.

Abu Hassan berkata, kempen itu yang dijalankan di bawah Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor akan digerakkan secara berterusan bagi memantapkan lagi ekonomi negara.

Setakat ini, beliau puas hati perjalanan kempen itu dan Sepang adalah daerah ketiga membuat program selepas Hulu Langat dan Gombak.

Abu Hassan berkata, jiwa rakyat Malaysia belum boleh dianggap merdeka jika sikap dan mentalitinya masih mendewa-dewakan barangan buatan luar negara.

"Jika jiwa dan perasaan kita patriotik, kita akan terus membeli barangan tempatan," katanya.

(END)